



MALAYSIA MADANI

Kerangka dan Pengisian

Editor

Sivamurugan Pandian • Paramjit Singh Jamir Singh
Md Yusoff Taib • Zaheruddin Othman

MALAYSIA MADANI

Kerangka dan Pengisian

Editor

Swamurugan Pandian • Paramjit Singh Jamir Singh
Md Yusoff Taib • Zaheruddin Othman



PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA

KUALA LUMPUR • 2024

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
www.umpress.com.my

DOI: 10.14425/9789674883218

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. 196906
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Sivamurugan Pandian, Paramjit Singh Jamir Singh, Md Yusoff Taib &
Zaheruddin Othman (ed.), 2024

Semua hak terpelihara.
Tiada mana-mana bahagian jua
daripada penerbitan ini
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperolehi semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekali pun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau lain-lain tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-488-321-8

Penerbitan ini dijayakan dengan sokongan dan kerjasama



Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Kandungan

<i>Senarai Penyumbang</i>	<i>ix</i>
<i>Senarai Perdana Menteri Malaysia</i>	<i>xvii</i>
<i>Senarai Pengantar</i>	<i>xix</i>
<i>Isi</i>	<i>xxi</i>
1. <i>Pengenalan</i>	1
<i>Swamurugan Pandian, Paramjit Singh Jamir Singh, Wan Yusoff Taib & Zaheruddin Othman</i>	
2. <i>Malaysia Madani: Gagasan Pentadbiran Anwar Ibrahim</i>	11
<i>Swamurugan Pandian</i>	
3. <i>Persekitaran Sosial dari Perspektif Madani</i>	23
<i>Paramjit Singh Jamir Singh</i>	
4. <i>Integrasi dalam Pengurusan Madani</i>	33
<i>Wan Yusoff Taib</i>	
5. <i>Keadilan Sosial dalam Sistem Penjagaan Kesihatan Malaysia</i>	47
<i>Madani: Teladan dari Jepun</i>	
<i>Samad Hassan & Rohayati Paidi</i>	

- 6 Penerapan Nilai Malaysia Madani dalam Peningkatan Produktiviti Organisasi
Shankar Chelliah 61
- 7 Keluarga Kontemporari dalam Konteks Malaysia Madani: Analisis Teori dan Polisi
Norzarina Mohd Zaharim & Intan Hashimah Mohd Hashim 69
- 8 Keganasan Rumah Tangga dan Keganasan Pasangan Intim dalam Kalangan Masyarakat India di Malaysia
Durgashiniy Govindasamy & Premalatha Karupiah 81
- 9 Ke arah Mencapai Kesaksamaan Gender: Pembangunan Mampan dalam Industri Pelancongan Luar Bandar
Nor Hafizah Selamat, Premalatha Karupiah, Khoo Suet Leng & Zaireeni Azmi 95
- 10 Malaysia Madani: Isu dan Cabaran
Lee Kuok Tiung 107
- 11 Penerapan Konsep Madani dalam Kalangan Pelajar di Universiti Sains Malaysia
Zulkifli Che Hussin & Sivamurugan Pandian 121
- 12 Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Mewujudkan Kemampanan
Noor Alyani Nor Azazi & Maslina Mohammed Shaed 130
- 13 Pemahaman dan Penerapan Teras Nilai Malaysia Madani dalam Konteks Penyelesaian Isu Keganasan Rumah Tangga
Masarah Mohamad Yusof 147
- 14 Penjawat Awam Mendepani Malaysia Madani
Mahathir Yahaya & Siti Sakiinah Mohd Sharif 150
- 15 Pentingnya Hormat dalam Interaksi di Media Sosial: Dari Sudut Pandang Hubungan Etnik
Mohd Khairuddin Mohad Sallehuddin 157

16	Kesejahteraan dan Kualiti Hidup Masyarakat <i>Maslina Mohammed Shaed & Noor Alyani Nor Azazi</i>	183
17	Masyarakat Madani dan Perpaduan Kaum di Dunia VUCA <i>Regina Garai & Neilson Ilan Mersat</i>	193
18	Salam Sejahtera, Sahabat! Kesepaduan Sosial dari Lensa Persahabatan <i>Nur Hafeeza Ahmad Pazil</i>	205
19	Keperluan Sokongan Sosial bagi Orang yang Hidup dengan HIV/AIDS (ODHA) <i>Farhana Kamarul Bahrin, Nurul Jannah Mohd Juaini & Zahira Natasha</i>	215
20	Konsep Malaysia Madani dalam Pentadbiran Awam <i>Selva M. Pichaimuthu</i>	225
21	Hormat Kesepaduan Sosiobudaya Perkukuh Perpaduan Negara Bangsa <i>Suzwani Drani</i>	231
22	Konsep Madani Ibn Khaldun dari Perspektif Sosiologi <i>Rasida Bee Mohd Hussain</i>	241
23	Advokasi dan Pendidikan Kesihatan Mental dalam Membangun Negara Madani <i>Mohd Nazrul Azizi</i>	251
24	Membudayakan Masyarakat Malaysia Madani Berinovasi <i>Kamarul Faizal Hashim, Solahuddin Ismail & Alias Azhar</i>	261
25	Konsep Madani Hasil Pengukuhan Kumpulan (<i>Team Building</i>) <i>Jong Hui Ying, Cherish How, Atanu Saha, 'Aini Suraya Masuri, & Luke Zhi Leong</i>	277
26	Perumahan Madani dan Kesejahteraan Sosial Berasaskan Teori Hierarki Keperluan Maslow <i>Mohd Haizzan Yahaya & Fatin Dhaniah Ahmad Hambaly</i>	285

27	Hak Pendidikan serta Pelaksanaan Program Akademik dan Latihan Kemahiran/Vokasional untuk Kesejahteraan Pesalah Kanak-Kanak dan Kemampanan Negara <i>Intan Nooraini Haji Zainol</i>	297
28	Pengaruh Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani Terhadap Institusi Politik Mahasiswa <i>Muhammad Amir Asyraf Mohd Sabri</i>	305
29	Strategi Pembangunan Usahawan Asnaf Madani: Peranan Pembiayaan Mikro dalam Pengurusan Zakat <i>Mohd 'Adli Zahri, Mohamad Shahrudin Samsurijan & Zahri Hamat</i>	315
30	Konsep dan Dasar Negara Madani: Pengetahuan, Kefahaman dan Persepsi Penuntut Institusi Pengajian Tinggi <i>Ahmad Munawar Ismail & Aina Natasya Abdullah</i>	329
31	Malaysia Madani dan Nilai Teras Ihsan dalam Konteks Prinsip, Nilai dan Praktis Kerja Sosial <i>Norulhuda Sarnon@Kusenin & Nor Jana Saim</i>	341
32	Anjakan Pendekatan Bagi Mencapai Sasaran Malaysia Madani <i>Siti Hajar Abu Bakar Ah, Rosila Bee Mohd Hussain, Mimi Hanida Abdul Mutalib & Paramjit Singh Jamir Singh</i>	353
33	Memahami Madani Dasar Reformasi Negara <i>Teo Kok Seong</i>	369
34	Masyarakat Madani: Peranan Media dan Pemimpin Masyarakat <i>Jeniri Amir</i>	375
	Indeks	387

Amanat Perdana Menteri Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillahil lazhee nahmahduhu wa nusalli ala rasoolillah kareem.

Salam perpaduan dan salam Malaysia Madani. Pemacuan ekonomi yang lebih segar dan kehadiran pelabur-pelabur asing ke negara serta soal tatakelola ketika ini menjadi tanda aras serta perubahan yang telah dibawa oleh pentadbiran Kerajaan Madani. Alhamdulillah, Malaysia mempunyai keupayaan menjadi negara maju dengan memastikan semua pihak terutama penjawat awam dan masyarakat memainkan peranan tersendiri ke arah menjana pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara secara lebih inklusif.

Setelah setahun pentadbiran Kerajaan Madani, aspirasi baharu yang telah dibentangkan kepada seluruh anggota Jemaah Menteri telah berjaya dibangunkan. Ini meliputi Agenda Malaysia Madani, Kerangka Ekonomi Madani, Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, serta Belanjawan Madani 2024.

Dalam hal ini, saya yakin dan percaya Kerajaan Madani akan terus melaksanakan program-program pembangunan berorientasikan rakyat dalam skala besar dan capaian yang lebih meluas. Ini semestinya akan dilakukannya dengan dukungan penuh oleh para penjawat awam, syarikat

berkaitan kerajaan, pemikir negara, badan bukan kerajaan, serta sektor swasta.

Malaysia Madani: Kerangka dan Pengisian merupakan suatu manifestasi unggul tentang kecaknaan Kerajaan Madani untuk membawa Malaysia ke arah yang lebih holistik dan bersepadu. Saya berharap dengan penghasilan naskah ini akan melahirkan dasar-dasar negara yang berorientasikan masa hadapan sebagai sebuah masyarakat Madani, maju, terampil dan terangkum. Tahniah dan syabas.

YAB DATO' SERI UTAMA ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri Malaysia

Masyarakat Madani dan Perpaduan Kaum di Dunia

VUCA

Regina Garai & Neilson Ilan Mersat

Konsep Madani yang baru diperkenalkan dengan rasminya kepada rakyat Malaysia mencerminkan penekanan ke arah pembentukan masyarakat bertamadun, bebas memberikan pandangan dan memupuk perpaduan. Konsep ini juga mengajak seluruh rakyat Malaysia mengangkat martabat kaum berpaksikan keyakinan, nilai, akhlak serta tatakelola yang adil dan berkesan. Pembentukan sebuah masyarakat Madani diharapkan dapat mengangkat Malaysia menjadi sebuah negara maju dari segi pemikiran, keharmonian dan kebendaan. Konsep ini bertujuan membentuk negara ke arah masa depan yang lebih mampan dan maju berlandaskan nilai-nilai etika yang bersesuaian dengan keterangkuman dan kesaksamaan sebuah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Berteraskan enam tunjang utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, kepercayaan dan ihsan, ia menjadi panduan bagi setiap lapisan khususnya dalam pentadbiran negara. Dalam masyarakat Madani, semua pihak perlu berganding bahu dalam memastikan konsep Madani dapat diterapkan demi membentuk sebuah masyarakat yang lebih baik, menjunjung nilai moral, akhlak dan etika yang unggul dan bukannya berhadapan dengan agenda negatif ke arah mewujudkan Malaysia yang lebih baik.

Sekali gus, enam tonggak iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan serta ihsan memegang maksud Madani secara menyeluruh. Enam tonggak ini bakal memeta hala tuju Malaysia sebagai


sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Malaysia Madani dikarang oleh Perdana Menteri hasil daripada pengalaman lebih empat dekad di dalam bidang perkhidmatan awam, mengepalai beberapa kementerian dalam kerajaan, menerajui beberapa badan antarabangsa, serta menjadi pendidik di beberapa universiti berprestij dunia.

Pemimpin mahukan sebuah masyarakat yang tidak terlalu tamak terhadap kebendaan dan gilakan kuasa sehingga melanggar undang-undang. Kemasyarakatan dijadikan tunjang kepada pembinaan negara bangsa – dan keilmuan, prinsip demokratik, perpaduan, dan kebebasan menjadi bumbung kepada gagasan masyarakat Madani. Masyarakat Madani diasaskan di atas prinsip akhlak dan pemerintahan berasaskan hukum. Ini berupaya mengangkat martabat masyarakat dan negara.

Masyarakat Madani ingin diwujudkan di Malaysia pada zaman keadaan tidak menentu iaitu ketika kita berada di dalam era dunia VUCA. VUCA ialah akronim daripada empat perkataan dalam bahasa Inggeris iaitu *Volatility*, *Uncertainty*, *Complexity* dan *Ambiguity*, yang apabila digabung memberikan gambaran tentang kehidupan masa kini dan cabaran yang datang bersamanya. VUCA diperkenalkan untuk menggambarkan keadaan dunia yang tidak stabil (*volatility*), tidak pasti (*uncertainty*), rumit (*complexity*) dan kabur (*ambiguity*). Sudah tentunya keadaan dunia VUCA mampu memberikan banyak cabaran kepada perpaduan dalam masyarakat majmuk. Apakah masyarakat Madani mampu membawa kita ke hadapan dan menjadi sebuah negara yang bakal membangun dengan lebih pesat? Untuk membuatkan masyarakat Madani menjadi subur dan mampu berkembang dengan cepat maka nilai-nilai dalam masyarakat yang menyokong pembentukan masyarakat Madani memainkan peranan yang penting. Ini kerana nilai-nilai yang sedia ada dalam masyarakat itu akan dijadikan asas. Apakah masyarakat Madani mampu melahirkan "VUCA Prime" untuk berhadapan atau beradaptasi dengan dunia VUCA?

VUCA Prime merupakan konsep yang diperkenalkan rentetan daripada konsep VUCA yang menggambarkan pelbagai cabaran yang wujud apabila berhadapan dengan satu keadaan yang tidak menentu. VUCA Prime turut menggunakan akronim bagi menerangkan bagaimana ketidakpastian dan kecelaruan yang wujud di dunia VUCA boleh diatasi, atau diadaptasi menggunakan elemen *vision* (visi), *understanding* (kefahaman), *clarity* (jelas) dan *agility* (tangkas). Rajah 17.1 berikut menunjukkan bagaimana VUCA Prime boleh digunakan untuk mengatasi cabaran-cabaran dunia VUCA.

Gambar 17.1: VUCA dan VUCA Prime



Pandangan Generasi Muda

Perbincangan secara berfokus telah diadakan di Universiti Malaysia Sarawak pada 22 Mac 2023 dengan generasi muda dan melibatkan peserta daripada sebagai latar belakang etnik, agama dan daerah asal. Hasil perbincangan mendapati generasi muda tidak begitu terdedah dengan konsep masyarakat madani, bahkan ada yang mengatakan mereka tidak pernah mendengar istilah konsep Madani. Namun mereka peka dengan peri pentingnya perpaduan dalam pembentukan sesebuah negara bangsa seperti Malaysia. Di mana mereka lahir dan berada dalam persekitaran yang menekankan perpaduan dan keharmonian kaum. Inti pati kepada hujah di bahagian atasnya adalah berdasarkan hasil perbincangan secara berfokus dengan kumpulan generasi muda ini.

Masyarakat Madani dan Masyarakat Majmuk

Sebagai sebuah negara yang majmuk sifatnya sudah tentunya elemen yang sangat penting ialah perpaduan. Apakah masyarakat Madani Malaysia menyediakan ciri-ciri yang berkaitan dengan perpaduan? Sudah tentu jawapannya ialah ya. Perpaduan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia menuntut semangat kerjasama, keprihatinan, tolong-menolong dalam komuniti, sekali gus menginspirasi ciri komuniti lestari dalam membentuk formula yang dapat digunakan bagi masyarakat. Sebagai negara yang sedang pesat membangun sudah tentunya idaman untuk mewujudkan

masyarakat yang stabil dan bersatu padu bukan sahaja terletak pada kehebatan infrastruktur dan teknologi, sebaliknya disokong prasarana yang dapat melestarikan perpaduan dalam masyarakat, di samping mengekalkan identiti tempatan. Hakikatnya, keutuhan komuniti Malaysia di luar negara dapat dilihat apabila dapat berganding bahu di bawah payung yang sama iaitu melahirkan masyarakat Madani bersatu padu.

Malangnya dalam keadaan tertentu terdapat pemimpin yang inginkan populariti dan tidak mengendahkan perpaduan dan mempunyai sifat yang tidak sensitif terhadap komunitinya. Golongan ini bermain dengan sentimen untuk tujuan politik. Dalam keadaan sedemikian bagaimana pula dengan mereka yang dipimpin? Inilah yang dimaksudkan dengan menggunakan platform sosial dengan sengaja atau tanpa sedar telah menyentuh sensitiviti sesetengah pihak. Kita semua perlu lebih prihatin dalam mempertimbangkan perbezaan antara hak bersuara, kebebasan bersuara dan tanggungjawab sebagai individu dan kumpulan dalam sama-sama menjaga keharmonian masyarakat majmuk ini. Sifat yang tidak sensitif kepada kaum lain atau orang lain dalam sesebuah masyarakat boleh menghambat perpaduan. Sifat ini hendaklah dikikis dan ia tidak seharusnya ada dalam ingatan atau amalan Masyarakat Madani. Generasi muda mengatakan nilai-nilai Madani ini memang patut diamalkan dan dihayati, terutamanya bagi negara yang mempunyai masyarakat majmuk.

Menurut Furnivall (1967), masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai budaya, agama, bahasa dan adat resam yang tersendiri. Walaupun pelbagai kaum berganding bahu di bawah sistem politik yang sama tetapi kehidupan mereka adalah berbeza. Interaksi sosial dalam kalangan mereka amat kurang dan hubungan mereka hanya terbatas kepada hal ekonomi dalam jual beli. Pembahagian tugas dilakukan atas garis-garis ras. M.G. Smith (1965) juga menganggap masyarakat majmuk sebagai masyarakat yang mempunyai pelbagai budaya, perpecahan sosial dan perselisihan. Van Den Berghe (1967) juga memberikan sumbangan terhadap perbincangan mengenai konsep masyarakat majmuk. Beliau membezakan kemajmukan sosial iaitu masyarakat dipecahkan kepada kelompok korporat dan bukannya daripada kemajmukan budaya iaitu wujud daripada beberapa kelompok etnik. Ketiga-tiga tokoh ini menekankan konflik dan perpecahan sebagai unsur ketara dalam masyarakat majmuk. Pendirian ini amat bertentangan dengan pendekatan fungsional yang mendakwa bahawa masyarakat majmuk wujud atas dasar konsensus dan nilai bersama. Penyatuan dalam kepelbagaian adalah berkait rapat dengan tunjangan masyarakat Madani seperti hormat dan ini membawa kepada bersatu padu.

Kepentingan Nilai Tempatan kepada Masyarakat Madani

Nilai diertikan sebagai satu ukuran berdasarkan pandangan manusia tentang sesuatu perkara seperti baik, buruk, jahat, berfaedah, sia-sia dan sebagainya. Sistem nilai dalam sesuatu masyarakat itu diamalkan dan dipatuhi secara efektif.

Persekitaran manusia yang sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa akan mempengaruhi sistem nilai mereka. Dengan itu sistem nilai tidak sama antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain dan ia juga tidak sama antara satu masa dengan masa yang lain. Oleh itu nilai dikatakan satu konsep yang abstrak dan subjektif. Ringkasnya nilai boleh berubah mengikut zaman dan persekitaran. Nilai juga penting dalam pembangunan. Sikap dan nilai ialah komponen asas kepada kejayaan dan kegagalan program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh pemerintah. Nilai sentu diubah kerana adanya nilai-nilai yang relevan dan juga tidak relevan dengan pembangunan. Perubahan berlaku dari semasa ke semasa dan memerlukan penyesuaian dalam persekitaran baharu atau situasi sosial yang berubah. Cabaran yang dihadapi pada dunia VUCA sudah tentunya menuntut banyak perubahan agar masyarakat dapat pelbagai cabaran yang mendatang. Sudah tentunya perkara pokok yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat Madani adalah berkaitan dengan nilai yang dipegang dan diamalkan oleh masyarakat.

Nilai asas dan utama untuk masyarakat majmuk seperti di Malaysia ialah nilai yang menjurus kepada perpaduan dan keharmonian semua. Generasi muda menyokong sepenuhnya kepentingan nilai asas ini. Ini kerana dalam masyarakat yang pelbagai etnik seperti di Malaysia sudah tentunya konflik lebih cenderung untuk berlaku seandainya nilai keharmonian tidak diberikan keutamaan oleh setiap individu. Hidup dengan harmoni antara kumpulan yang pelbagai ibarat berada di bawah bumbung yang sama dan dengan itu apa jua jenis konflik mestilah dielakkan. Misalnya, cara hidup yang sentiasa teguh bersama di bawah satu bumbung seperti di rumah panjang dalam kalangan etnik-etnik di Sarawak boleh juga dijadikan contoh. semangat kesepaduan, tolong-menolong dan toleransi yang tinggi dalam kalangan penghuninya boleh dijadikan contoh. Tiada tempat bagi mereka yang hanya mementingkan diri sendiri. Nilai hidup secara bersama yang diamalkan di rumah panjang boleh digunakan untuk memperkukuh nilai rakyat dalam masyarakat Madani. Keharmonian selalu dititikberatkan walaupun seandainya berlaku konflik kecil. Keharmonian boleh dicapai dengan adanya hormat, seperti yang ditekankan dalam salah satu tunjang masyarakat madani. Nilai hormat boleh dikatakan sebagai suatu nilai universal yang penting untuk kelestarian perpaduan sesebuah masyarakat.

Nilai-nilai yang bersifat universal yang menjadi pegangan setiap kaum di Malaysia juga boleh diangkat untuk menilai nilai-nilai tersebut sebagai asas kepada masyarakat Madani. Antara nilai-nilai tersebut ialah nilai amanah iaitu menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya dan menentukan tabii penyelewengan dalam tugas. Begitu juga dengan nilai tanggungjawab dengan melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruknya iaitu sentiasa waspada dan jujur. Bersedia untuk menjaga amanah agama, bangsa dan negara dan tidak mengkhianati kepentingan organisasi/ institusi/ awam dalam menjalankan tugas. Nilai ikhlas iaitu berhati-mulu dengan melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan. Nilai benar iaitu jujur dalam melaksanakan tanggungjawab dan sanggup terima teguran dan nasihat dan nilai tekun dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan tugas dan kehidupan. Berusaha gigih menghasilkan kerja yang memuaskan sehingga mencapai tahap cemerlang.

Nilai-nilai sejagat yang lain serta dipegang oleh setiap kaum adalah seperti nilai bersih dengan mengamalkan kebersihan hati dalam menjalani kehidupan seharian. Nilai bekerjasama dengan mengamalkan sikap tolong-menolong dalam melaksanakan tugas. Nilai bersyukur dengan melakukan tugas sebagai seorang anggota masyarakat iaitu seperti tidak berbangga dengan kedudukan dan pangkat dan sentiasa ingin memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Nilai bermuafakat sesama manusia akan mengeratkan lagi perpaduan yang telah lama terjalin. Sikap toleransi sesama kaum merupakan tunjang utama kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai bersatu padu dengan mengamalkan berterusan budi bahasa dan nilai-nilai murni akan membawa kesepaduan dalam kehidupan bermasyarakat juga merupakan nilai sejagat yang sesuai dengan masyarakat Madani. Nilai beretika iaitu mempunyai nilai budi pekerti yang tinggi. Seseorang yang kaya dengan budi pekerti dan teguh dengan amalan nilai-nilai murninya tidak akan mementingkan diri sendiri.

Masyarakat Madani Bertunjangkan Rukun Negara

Sepertimana yang telah dijelaskan di peringkat awal bahawa masyarakat majmuk di Malaysia tiada pilihan kecuali bersatu padu atau menekankan perpaduan. Masyarakat Madani turut menekankan kepentingan mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam pelaksanaan. Rukun Negara dijadikan ideologi kebangsaan serta sarat dengan nilai-nilai baik yang diperlukan oleh sebuah negara yang majmuk sifatnya seperti Malaysia (MyGovernment at <http://www.malaysia.gov.my/portal/content/30110?language=my>). Oleh itu, setiap warganegara telah didedahkan kepada nilai-nilai dalam Rukun Negara sejak mereka kecil lagi. Lebih daripada itu, mereka juga perlu mengamalkan

nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Tiada isu atau masalah tentang nilai-nilai dalam Rukun Negara kerana ia merupakan nilai yang bersifat positif serta merentasi kaum dan merentasi agama. Nilai-nilai yang terdapat dalam prinsip-prinsip Rukun Negara ialah

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

Rukun Negara telah dijadikan asas kerukunan hidup masyarakat Madani kerana ia juga menuntut permuafakatan dan perpaduan. Lima jalur merah dalam logo Malaysia Madani merupakan simbolisme kepada Rukun Negara. Rukun Negara digubal sebagai falsafah, etika dan ideologi (doktrin) negara dan sebagai satu bentuk garis panduan dalam membina masyarakat yang bersatu padu, adil dan harmoni. Maka, adalah wajar setiap rakyat memahami latar belakang, objektif dan prinsip Rukun Negara itu untuk perpaduan kaum yang lebih utuh dan kental. Lima objektif utama masyarakat Madani adalah untuk: (1) mencapai perpaduan, (2) memelihara cara hidup demokratik, (3) melahirkan masyarakat yang adil supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama, (4) membentuk sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai corak dan (5) membina sebuah masyarakat progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden.

Gambar 17.2: Konsep Madani yang Bertunjangkan Rukun Negara



Perkara yang menarik tentang Malaysia ialah masyarakatnya yang majmuk telah melahirkan kepelbagaian budaya. Nilai-nilai ini telah mengikat seseorang individu dengan individu yang lain dalam kelompok tersebut. Sentimen-sentimen yang mengikat inilah yang dimaksudkan oleh Clifford Geertz (1973) sebagai *primordial sentiments* yang ada kalanya mempunyai kuasa emosi yang tinggi. *Primordial sentiments* boleh mendorong kepada kebaikan juga keburukan terpujang kepada bagaimana ia digunakan. Kebaikan adalah dari segi kesepaduan kelompok tersebut. Kelemahannya ialah sentimen tersebut boleh juga digunakan untuk tujuan menimbulkan persaingan dan akhirnya konflik dengan kaum yang lain. Isu-isu berkaitan *primordial sentiments* ini dianggap sebagai "easy issue" dan begitu mudah untuk digunakan dalam pilihan raya kerana ia mempunyai kuasa emosi yang kuat (Chua Beng Huat, 2007). Penggunaan isu-isu tersebut juga boleh melahirkan suasana kucar-kacir kerana ia mempunyai kuasa emosi yang tinggi, terutamanya apabila masyarakat berhadapan dengan cabaran-cabaran yang berkaitan dengan dunia VUCA. Inilah sebabnya mengapa pentingnya Rukun Negara dihayati dan diamalkan supaya rakyat berfikir tentang kesederhanaan dan menjalin hubungan yang baik antara kaum-kaum etnik yang pelbagai.

Perbincangan dengan generasi muda juga mengetengahkan kepentingan menjalinkan hubungan yang baik antara pelbagai kaum di negara ini, yang juga ditekankan dalam konsep Masyarakat Madani. Sebagai contoh, penerapan elemen hormat berkait rapat dengan konsep kesopanan dan kesusilaan. Ia merupakan elemen penting dalam meraikan kepelbagaian di Malaysia dan menjadi medan dialog peradaban.

Perpaduan Kaum di Sarawak

Perpaduan di negeri Sarawak dikatakan berada pada tahap yang tinggi. Sarawak kerap kali disifatkan sebagai negeri contoh untuk perpaduan.

"If we want to observe unity occurring in a very good, lively, and healthy atmosphere – this happens in Sarawak. We can see the diversity of life in an atmosphere of harmony and mutual respect." Sarawak Tribune, 23 Oktober 2021.

Sarawak harus dicontohi oleh tempat-tempat lain di Malaysia *just as shown by the people of Sarawak can be translated in other locations in the country so that there would be no strife among the various races* (Sarawak Tribune, 23 Oktober 2021). Sebagai sebuah negeri yang terdiri daripada pelbagai etnik, Sarawak mempunyai pelbagai budaya serta nilai

yang berbeza. Untuk meraikan kepelbagaian ini, Sarawak telah mengadakan simposium budaya setiap lima tahun. Simposium budaya yang diadakan sejak 1988 ini bertujuan untuk membawa semua kaum di Sarawak ke satu titik pertemuan supaya dapat berusaha, bukan dengan pertelingkahan di antara satu dengan yang lain, bahkan dengan semangat mempunyai tujuan yang sama untuk mencapai kemajuan dan kemakmuran yang dapat dinikmati oleh semua kaum. Usaha seperti ini sudah tentunya sesuai dan bertepatan dengan tuntutan dalam masyarakat Madani, terutamanya dalam konteks menghadapi cabaran-cabaran berkaitan dengan dunia VUCA.

Simposium budaya banyak menekankan nilai-nilai persamaan, kepelbagaian dan kebersamaan yang ada pada budaya-budaya tempatan di Sarawak dianggap sebagai sumber inspirasi dan pemangkin bagi pembangunan sebuah bangsa yang maju dan berwawasan. Sarawak dikatakan tidak membincangkan perbezaan kaum dan agama. Ini kerana masyarakat Sarawak mengenali satu sama lain. Malahan, sejak simposium yang pertama diadakan, simposium-simposium ini telah memberikan kesadaran dalam kalangan rakyat untuk hidup secara harmoni antara kaum (Laporan Simposium Budaya Sarawak Ke-6 Tahun 2013). Secara tidak langsung, simposium-simposium ini telah menyediakan wadah bagi masyarakat untuk beradaptasi menerusi konsep VUCA Prime – misalnya, dengan memberikan visi untuk terus bersatu padu, dan meningkatkan pemahaman tentang kepelbagaian dan perbezaan.

Kekuatan pada nilai masyarakat adalah dalam aspek kesederhanaan. Ini dapat mengurangkan ketegangan etnik dan juga agama. Ini adalah kelebihan Sarawak berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Misalnya, Kuching telah menjadi bandar raya pertama di Malaysia yang diberikan gelaran Bandaraya Perpaduan. Isu perkauman tidak akan meruntuhkan keakraban hubungan yang telah sekian lama terjalin dalam kalangan masyarakat yang pelbagai di Bumi Kenyalang. Perkahwinan campur yang wujud dengan meluas di Sarawak menyeronokkan lagi keharmonian dan perpaduan dalam kalangan pelbagai etnik di negeri ini. Keunikan ini boleh dijadikan model keharmonian dan perpaduan kaum bagi Malaysia. Lebih menarik bahawa di Sarawak belum pernah berlaku konflik etnik atau isu-isu yang boleh membawa kepada renggangan hubungan kaum.

Semangat *Agi Idup Agi Ngelaban* untuk Masyarakat Madani

Slogan *Agi Idup Agi Ngelaban* begitu sinonim dengan pasukan tentera dari Sarawak yang terkenal dengan semangat juang yang tinggi. Slogan yang menekankan nilai dan semangat keberanian yang tinggi ini masih lagi relevan

sehingga ke hari ini. Malah, semangat keberanian ini wajar terus dijadikan pegangan untuk mempertahankan kesejahteraan Malaysia selaras dengan kerangka masyarakat Madani.

Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, sesuatu nilai itu wujud kerana dipengaruhi oleh persekitaran hidup manusia. Misalnya, persekitaran yang mencabar memerlukan seseorang untuk memiliki nilai-nilai seperti gigih dan berani dalam sesuatu masyarakat. Semangat yang kental serta tidak putus asa juga amat diperlukan. Misalnya, dalam kehidupan suku kaum Iban di Sarawak, seseorang yang melaksanakan tradisi *bejalai* (merantau) hendaklah mempunyai sifat berani untuk mengharungi apa jua cabaran apabila di *bejalai* atau merantau (Kedit, 1993). Tradisi *bejalai* ini akan mengeluarkan seseorang dari persekitaran yang norma baginya. Oleh itu, seseorang individu yang menjalankan *bejalai* perlu memiliki sifat dan semangat keberanian untuk menghadapi cabaran untuk meneruskan kehidupan mereka di luar persekitaran yang norma.

Setiap individu mesti berani pergi memburu di hutan untuk mencari makanan untuk kelangsungan keluarga sama ada pada siang mahupun malam hari. Mereka mungkin terserempak dengan binatang buas, bencana alam ataupun musuh mereka. Semuanya memerlukan sifat berani, cekal dan tabah. Mereka juga perlu berani untuk berhadapan atau melawan orang luar seperti James Brooke yang ingin menjajah tanah air mereka. Kewujudan beberapa orang tokoh tempatan di Sarawak seperti Rentap dan Sharif Masahor adalah kerana mereka memiliki keberanian yang luar biasa dan dengan itu mempunyai ramai pengikut. Selain daripada tokoh-tokoh tersebut terdapat ramai lagi pahlawan tempatan di Sarawak yang memiliki keberanian yang juga luar biasa. Nilai berani ini terus menjadi pegangan sehingga ke zaman selepas merdeka malahan hingga ke hari ini.

Semangat berani itu harus dipupuk untuk mempertahankan negara daripada segala ancaman luar dan dalam negara. Nilai keberanian rakyat Malaysia amat dituntut untuk berhadapan dengan isu tersebut. Semangat perjuangan orang Iban Sarawak iaitu semangat "*Agi Idup Agi Ngelober*" yang bermaksud berjuang sehingga ke nafas terakhir masih lagi relevan sebagai nilai untuk mengukuhkan negara. Berani bersuara untuk menentang segala isu yang mendatangkan masalah kepada negara kita, seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan tidak berintegriti, juga penting. Sudah tentulah semangat ini boleh meningkatkan kembali martabat negara dan bangsa. Nilai ini berkait rapat dengan kerangka masyarakat Madani yang menekankan kemampanan, kesejahteraan dan keyakinan.

Kesimpulan

Masyarakat Madani memerlukan nilai-nilai baik yang sedia ada pada kita untuk dijadikan asas dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai yang diamalkan juga menentukan maju atau mundurnya sesebuah negara. Apa yang pasti ialah nilai yang tidak relevan lagi boleh diketepikan dan diganti dengan nilai yang baharu. Nilai yang menjamin keharmonian masyarakat majmuk harus dilekalkan. Nilai-nilai yang diterapkan melalui Rukun Negara sememangnya telah diterima oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia. Harapan generasi muda adalah agar konsep masyarakat Madani ini akan memberikan nafas baharu kepada "rukun" yang diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Persekutuan Negara iaitu setahun selepas berlakunya tragedi 13 Mei 1969 yang menghancurkan perpaduan dan ketenteraman negara.

Dengan pelbagai nilai yang ada dalam kalangan masyarakat, termasuk yang sudah diserapkan di sekolah dan di tempat kerja, sememangnya tiada masalah untuk merealisasikan masyarakat Madani. Kita tidak mahu rumus rukun atau tunjang masyarakat Madani itu hanya dijadikan retorik politik dan dihafal di sekolah dan tempat kerja sepertimana kita menghafal Rukun Negara sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu tetapi tidak dihayati sepenuhnya. Dengan kata lain, ia tidak diterjemahkan dalam kehidupan seharian masyarakat di Malaysia. Masyarakat di Sarawak tiada masalah untuk menjadikan masyarakat Madani mekar di negeri ini kerana rakyat Sarawak yang berbilang kaum sudah memiliki nilai-nilai utama dan baik untuk menyokong masyarakat Madani. Tahap perpaduan yang tinggi di Sarawak akan terus menjadi tonggak untuk merealisasikan masyarakat Madani.

Tidak terlalu optimis sekiranya generasi muda membuat kesimpulan bahawa gabungan rukun Madani dan Rukun Negara mampu dijadikan asas kemadunan di Malaysia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditangani di zaman dunia VUCA. Sekiranya VUCA Prime dianggap sebagai cara terbaik untuk menanganai cabaran-cabaran di dunia VUCA, maka dua-dua rukun berkenaan juga memiliki kekuatan dan ciri-ciri VUCA Prime.

Rujukan

- Boon Kheng. (2002). *Malaysia: The Making of a Nation*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Geng Huat. (2007). *Elections as Popular Culture in Asia*. Routledge: London.
- Small, J.S., (1967). *Netherlands India: A Study of Plural Economy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Clifford. (1973). *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*, Basic Book: New York.

- Gomes, Edwin Herbert. (1911). *Seventeen years among the Sea Dyaks of Borneo*. London: Seeley & Co.
- IDE Research Centre. (2023). *Membangun Negara Madani: Visi Dan Kerangka Dasar Reformasi*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Jacobus (Kobus) Kok, Steven C. van den Heuvel. (2018). *Leading In A VUCA World*. Kedit, Peter M. (1993). *Iban Bejalai*. Sarawak Literary Society: Kuching.
- Oliver Mack, Anshuman Khare, Andreas Krämer, Thomas Burgartz. (2015). *Managing in A VUCA World*, Springer.
- Smith, M.G., (1965). *The Plural Society in The British West Indies*, Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- van der Berghe, Pierre. (1967). *Race and Racism*. New York: John Wiley and Sons, Inc.

Sumber Internet

- Berita Harian, Konsep Malaysia Madani Jalan Ke Depan Untuk Malaysia, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1059047/konsep-malaysia-madani-jalan-ke-depan-untuk-malaysia>, 15 April 2023.
- Bernamea, What is Malaysia Madani, <https://www.bernama.com/en/infographic/index.php?v=10698>, 14 April 2023.
- ILUMINASI at <https://iluminasi.com/bm/mengapa-rakyat-negara-jepun-begituhebat-1.html>, Accessed on 14 April 2023.
- Kelab Rukun Negara (KRN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, <https://www.jpnin.gov.my/web/kelab-rukun-negara>, 14 April 2023.
- My Metro <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/06/348034/contoh-nilai-kerja-orang-jepun-pm> Accessed 17 November 2019 Accessed on 14 April 2023.
- MyGovernment at <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30020?language=my>, Accessed on 14 April 2023.
- Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia <https://zanas.wordpress.com/2023/04/01/kemerdekaan-negara/pembentukan-masyarakat-majmuk-di-malaysia/>, 14 April 2023.
- Thou Shalt Tell No Lie at <https://www.newsarawaktribune.com.my/thou-shalt-tell-no-lie/> Accessed 15 April 2023.
- Sarawak Government, Simposium Budaya Sarawak Ke-6 Tahun 2013, <https://sarawak.gov.my/web/home/photo/226/62/>, 14 April 2023.

Indeks

- advokasi 7, 251-254, 259, 260
AIDS 6, 215, 216, 219, 221-224
ambiguity 194, 195
Anwar Ibrahim 1, 8, 10-13, 18, 22, 47, 48, 58,
107, 108, 111, 112, 114, 115, 117, 123,
129, 131, 149, 241, 242, 262, 264, 298,
310, 315, 327, 333, 337, 340-352, 355,
365, 369, 373, 375, 377, 385
Artificial Unity 115
beretika 5, 24, 33-35, 37, 39, 42, 44, 52, 160,
164, 178, 198, 258, 266, 275, 315, 351,
355, 381
complexity 194
daya cipta 1, 3, 7, 10, 18, 34, 63, 64, 67, 68,
77, 98, 107, 123, 128, 129, 131, 193,
218, 219, 258, 261, 262, 264, 265, 267,
278, 279, 280, 333, 341, 357, 370
ekonomi manusiawi 48, 337
emosi 2, 29, 31, 61, 62, 77, 82, 84, 115, 127,
134, 136, 155, 184, 187, 200, 206, 209,
211, 217, 218, 220, 221, 224, 252, 254,
255, 258, 259, 286, 343, 344, 347
fizikal 2, 7, 28, 29, 31, 49, 50, 52, 61, 62, 82,
84, 88, 97, 122, 123, 134, 136, 148, 152,
184, 187, 207, 209, 210, 211, 217, 219,
221, 222, 236, 254, 264, 281, 282, 286,
287-290, 292, 294, 364
Hadarah 122
hak pendidikan 8, 298
Happy Malaysia 11
HIV 6, 215-224
hormat 1, 2, 3, 5, 10, 14, 18-21, 23, 33, 34,
43, 63, 69, 76, 78, 98, 107, 123, 128,
129, 131, 166, 167, 171-177, 179-181,
193, 196, 197, 200, 210, 212, 218, 234,
252, 262, 264, 333, 337, 341, 357, 370
hormat 5, 151, 166, 171, 176, 180, 219, 231
hubungan etnik 19, 171, 172, 179, 182, 207
Ibn Khaldun 7, 122, 241-247, 249, 250, 367,
368
ideologi kenegaraan 329
ihsan 1, 2, 3, 8, 9, 10, 18, 19, 34, 63, 67, 69,
77, 78, 98, 107, 114, 123, 128, 129, 131,
167, 193, 218, 252, 262, 264, 282, 315,
333, 341, 344, 345, 347, 348, 349, 350,
351, 352, 357, 364, 370
Industri Pelancongan 95, 99

Buku Malaysia Madani ini memfokuskan kepada konsep Madani yang diperkenalkan oleh Kerajaan Perpaduan ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara membangun, sejahtera, berdaya saing serta harmoni dalam kehidupan berbilang kaum dan agama. Malaysia Madani merupakan suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar serta pelaksanaannya kepada kumpulan sasar lebih berunsur manusiawi. Buku ini juga menyeru semua lapisan masyarakat untuk bergegang teguh kepada enam rukun Madani seperti kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan dalam kehidupan seharian.

Objektif buku ini adalah untuk membolehkan ia dijadikan rujukan oleh pelbagai kumpulan seperti penyelidik, pemimpin, pelajar, orang awam, badan bukan kerajaan, pembuat dasar dan agensinya. Malahan, pihak berwajib boleh menjadikan buku ini sebagai asas untuk kelangsungan penambahbaikan dasar atau polisi serta perubahan selari dengan konsep Malaysia Madani.



PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA

